

07/12/2001

Empat bantu siasatan (HL)

Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Khamis - Tiga pegawai kanan kerajaan dan seorang bekas ketua setiausaha kementerian, ditahan reman antara tiga hingga lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini, bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan wang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM36.5 juta.

Majistret Hamidah Mohamed Deril memerintahkan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Dr Abdul Aziz Mohamad, 57, dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), Datuk Alwi @ Alwi Said, 53, direman selama lima hari sehingga 10 Disember ini.

Mahkamah juga mengarahkan bekas Ketua Pengarah Risda, Datuk Nik Kamaruddin Nik Abdul Kadir, 52; dan Timbalan Ketua Setiausaha KPLB, Mohd Arif Abu Bakar, 51, direman tiga hari sehingga 8 Disember ini.

Mereka ditahan kira-kira jam 5 petang semalam bagi membantu siasatan penyelewengan wang PPRT di Kelantan dan Terengganu.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu penipuan yang boleh membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta Seksyen 409 Kanun Keseksaan (hukuman penjara 20 tahun dan sebat).

Jika ada kes, mereka boleh didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Krai, Kelantan dan Mahkamah Sesyen Dungun, Terengganu.

Mereka disiasat selepas polis menerima aduan Mohd Arif berhubung penyelewengan yang berlaku.

Dr Abdul Aziz dan Alwi disiasat bagi membantu polis berhubung kes pecah amanah wang pelaburan daripada Ketengah sebanyak RM9 juta dan wang KPLB sebanyak RM3 juta.

Nik Kamaruddin dan Mohd Arif disiasat bagi membantu kes penipuan yang menyebabkan KPLB dan Risda mengalami kerugian RM24.5 juta.

Sebelum ini, seorang pengarah syarikat direman oleh Mahkamah Majistret berhubung penyelewengan wang PPRT sebanyak RM12 juta.

Difahamkan, dia akan didakwa di Mahkamah Sesyen Dungun, Terengganu, Sabtu ini.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka yang disiasat itu belum tentu lagi bersalah atau sebaliknya.

"Kita benarkan pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan siasatan dan membuat soalan. Kalau betul-betul ada kes, mereka akan didakwa di mahkamah," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara, hari ini.

(END)